

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]
TARIKH : 23 Mei 2016
SOALAN : Dato' Noraini binti Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah anggaran peratus penurunan jumlah eksport beras negara akibat fenomena el nino; dan apakah status skim insurans pertanian yang dijanjikan bagi membantu para petani yang terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia bukan negara pengeksport beras memandangkan pengeluaran tempatan beras masih belum mencukupi untuk menampung permintaan beras negara. Tahap Sara Diri (SSL) beras negara pada tahun 2015 adalah sebanyak 71.6%. Bagi memastikan bekalan beras dalam negara adalah mencukupi, negara mengimport beras bagi baki sebanyak 28.4% lagi yang dianggarkan sebanyak 930 ribu mt pada tahun berkenaan. Oleh itu, jumlah eksport beras negara tidak terkesan dengan fenomena el nino.

(Input diperolehi daripada BERNAS)

Kerajaan akan melaksanakan Skim Perlindungan Agromakanan yang melindungi hasil pertanian bagi semua subsektor. Perancangan awal adalah untuk fokus kepada pelaksanaan bagi subsektor tanaman padi. Walau bagaimanapun, kerajaan masih mengkaji pendekatan yang terbaik untuk melaksanakan skim ini agar memberi manfaat kepada petani tanpa membebankan mereka dan pihak Kerajaan.